

PENDIDIKAN BERAKARUMBIKAN FAHAM *ADAB*: SATU GAGASAN AGUNG
SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

Oleh

Dr. Roslan Abd Jelani

Felo Kanan Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah,
Universiti Teknologi Malaysia

Pendahuluan

Pendidikan merupakan salah satu amalan yang paling mendasar bagi manusia agar dia mempunyai keupayaan yang ampuh untuk menyuburkan aqalnya sehingga berupaya menanggapi makna *kulli* bagi suatu objek ilmu. Makna *kulli* ini bermaksud makna yang melangkahi makna *juz'i* yang terbatas pada apa yang hanya berupaya ditanggapi oleh fakulti atau daya yang disebut sebagai *quwwah al-wahmiyyah*. Makna yang ditanggapi oleh *quwwah al-wahmiyyah* ini hanya tertumpu kepada suatu objek itu seadanya tanpa meliputi makna bagi objek itu dalam satu keseluruhan atau hubungannya dengan objek-objek yang lain dalam suatu ruang lingkup yang luas yang menyatukan fizik dan metafizik. Makna *kulli* pula merujuk kepada makna yang bebas sepenuhnya daripada sifat-sifat kebendaan dan *'a'radh* dan membawa satu makna yang tidak berbeza pada setiap individu. Melalui makna *kulli* ini, seseorang dapat mengenali kedudukan sesuatu dalam susun atur dan tertib kejadian di alam ini.

Maudhu' pendidikan yang sebenar berkisar tentang akal-budi, perihal hakikat diri insan, perihal sifat alam dan tingkatannya, dan membicarakan persoalan-persoalan yang *mujarrad (abstract)* sifatnya sehingga akhirnya berupaya menyuburkan satu pandangan hidup yang murni. Ringkasnya, pendidikan menumpukan kepada perkara-perkara besar yang berkaitan dengan agama, falsafah, dan sejarah. Melalui pendidikan yang betul, benar, menyeluruh, bersepadu, dan sempurna, manusia akan memperolehi ilmu yang dapat menghasilkan akhlaq yang baik lalu memberi kesan yang baik juga pada setiap peri lakunya. Peri laku yang baik ditayangkan melalui perbuatan-perbuatan dan amalan-amalan yang benar, sah, dan betul sehingga menghasilkan natijah yang benar dan betul juga pada setiap aspek penting kehidupan. Kesan daripada natijah ini akan membolehkan sesuatu benda atau sesuatu perkara dapat berada pada kedudukan atau tempatnya yang sebenar, wajar dan betul lalu mengekalkan satu keadaan yang teratur dan tertib pada perjalanan alam ini sambil melahirkan

keadaan harmoni bagi kehidupan insan. Pendidikan yang sebeginilah yang diistilahkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai *ta'dib*.

Menurut beliau, *ta'dib* merujuk kepada *adab* yang diserapkan secara beransur-ansur dalam diri insan sehingga akhirnya seseorang itu dapat mengenali dan memperakui kedudukan sesuatu benda dan perkara pada tempat yang wajar bagi dirinya berdasarkan darjat dan martabatnya masing-masing dalam rencana-dasar kejadian sehingga membawa kepada pengenalan dan perakuan tentang kedudukan Tuhan dalam rencana-dasar kewujudan. Tujuan akhir daripada pendidikan yang diistilahkan sebagai *ta'dib* ini adalah '*adl* tatkala lahirnya satu keadaan yang menunjukkan setiap benda dan perkara telah berada pada tempat yang sah, benar dan wajar bagi dirinya masing-masing.

Amalan pendidikan yang berakarumbikan *adab* akan berupaya mengembalikan serta mengukuhkan kemuliaan akhlaq seseorang manusia. Jika *adab* tidak dititikberatkan, nescaya sikap dan perbuatan yang menggambarkan sifat zalim, dayus, jumud dan keras kepala (*obstinate*) akan berleluasa dalam masharakat dan menyamar sebagai sesuatu yang adil, bertolak ansur, berani dan tegas. Ini menunjukkan bahawa jika *adab* tidak diberi penekanan secara sempurna dalam pendidikan, perkara ini nanti akan membawa kepada kecenderungan yang bersifat memusnahkan (*destructive*) di kalangan ahli masharakat.

Seseorang tidak dikatakan sebagai telah dididik atau mendapat manfaat yang sebenar daripada pendidikan selagi dia tidak menunaikan tanggungjawabnya kepada Allah sebagai Tuhannya Yang Sebenar; selagi dia belum memahami dan melaksanakan tanggungjawabnya kepada dirinya sendiri dengan adil; dan, selagi dia tidak berusaha untuk meng*islahkan* (memperbaiki dan membetulkan) keadaan hidup masharakatnya sehingga masharakatnya itu akhirnya tahu membezakan antara perbuatan dan kelakuan yang baik dengan yang buruk, atau yang benar dengan yang batil.

Orang yang benar-benar terdidik dan menerima manfaat daripada pendidikan itulah digelar sebagai orang yang beradab. Dia digelar sedemikian kerana dia bukan saja mengenali kedudukan sesuatu pada tempatnya tetapi memperakukannya dengan cara menunjukkan kelakuan dan melakukan perbuatan yang sesuai dengan apa yang dikenalnya itu. Misalnya, jika dia tahu bahawa manusia merupakan makhluk yang dimuliakan kerana dianugerahkan oleh Allah SWT dengan aqal, maka dia dikatakan sebagai orang yang beradab jika dia senantiasa memastikan aqalnya itu tidak digunakan untuk tujuan yang lebih rendah daripada apa yang sepatutnya ianya dijadikan; jika dia mengetahui bahawa seseorang ilmuwan diangkat darjatnya oleh Allah sepuluh kali lebih tinggi daripada orang biasa, maka dia dikatakan beradab jika dia

senantiasa memastikan supaya ilmu yang disebarkan oleh ilmuwan itu dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya sambil memuliakan kedudukan ilmuwan itu; begitu juga, jika seseorang itu tidak berakhlak dengan akhlak yang mulia dan tidak pula menunjukkan teladan yang baik sebagaimana yang telah digariskan oleh Islam, dia dikatakan sebagai tidak beradab terhadap Islam. Seseorang juga tidak layak dikatakan sebagai seorang yang beradab selagi apa-apa amanah yang dipertanggungjawabkan atas bahunya tidak ditunaikan dengan sebaik mungkin. Seseorang juga disebut sebagai tidak beradab selagi dia tidak tahu tindakan mana yang perlu diutamakan serta didahulukan dan tindakan mana yang perlu dikemudiankan. Lebih-lebih lagi tidak beradab jika semua keputusan penting tidak didasarkan atas kewibawaan ilmu dan hikmah, sebaliknya dilandaskan semata-mata berdasarkan agakan, kejahilan, dan pendapat yang semberono.

Oleh sebab itu, pendidikan tidak layak dinamakan sebagai pendidikan selagi ia tidak menekankan aspek *adab*. Dalam pendidikan, usaha yang gigih perlu dilakukan sehingga memungkinkan *adab* dapat terus disuburkan sebagai satu kelaziman di kalangan pelajar. Ini dapat dijayakan dengan cara menajamkan akal-budi para pelajar sehingga *adab* dapat difahami dan diperakukan dalam setiap bentuk amalan mereka sehingga menzahirkan keadilan. Pendidikan yang menekankan tentang *adab* boleh dilihat sebagai usaha untuk mengukuhkan ciri-ciri keperibadian insan yang sebenar. *Adab* meliputi disiplin tubuh, 'aql, dan ruh yang menegaskan pengenalan dan perakuan tentang tempat yang tepat dalam hubungannya dengan kemampuan jasmaniah, 'aqliyyah, dan ruhaniah.

Susulan daripada ini, maka segala isi kandungan pendidikan perlulah berkisar kepada perkara-perkara yang menuju ke arah:

- i. Mengukuhkan iman dan mencapai kemuncak kehalusan budi pekerti sehingga seseorang itu tidak mungkin dicemari dengan dosa-dosa besar atau melakukan sebarang bentuk salah laku seperti memunkiri janji dan mengkhianati amanah;
- ii. Menguasai ilmu yang betul dan benar sehingga seseorang itu kelak dapat menghasilkan keputusan yang bijaksana;
- iii. Mempunyai kesedaran akhlaqiah dan kecekapan saintifik yang tinggi, serta pada masa yang sama, mempunyai keberanian untuk bertindak sewajarnya;
- iv. Mempunyai daya tahan diri yang tinggi dengan tidak pernah berputus asa dalam melaksanakan kebaikan malah mampu membuat perancangan yang betul bagi tujuan tersebut;

- v. Mempunyai kekuatan mengawal hawa nafsu dan tidak terpengaruh dengan budaya kebendaan; dan,
- vi. Berupaya melaksanakan *islah* dan menghindari daripada melakukan *fasad*.

Melalui penjelasan di atas, pendidikan difahami mempunyai hubung kait yang rapat dan penting dengan perbuatan insan yang bersifat *ikkhtiyari*. Ini menunjukkan bahawa manusia diberi kebebasan oleh Tuhan untuk memilih sama ada melakukan atau tidak melakukan sesuatu, dan kebebasan memilih itu pula diikuti dengan kesedaran diri. Oleh sebab itu, setiap perbuatan insan mempunyai kaitan dan kesan yang mendalam dari segi akhlaq. Namun begitu, dalam kebebasannya memilih sama ada melakukan atau tidak melakukan sesuatu, seseorang manusia terikat untuk hanya memilih melakukan perbuatan-perbuatan yang baik dan mulia belaka berbanding dengan perbuatan-perbuatan yang buruk dan keji. Bagi maksud ini, dia perlu dididik dengan sempurna untuk memahami hakikat dan prinsip setiap perbuatannya, matlamat bagi perbuatan itu, kaedah dan tata cara yang betul dan wajar bagi menyempurnakan perbuatan tersebut jika perbuatan itu baik, dan akibat akhir daripada setiap perbuatan.

Oleh sebab itu, salah satu fungsi pendidikan adalah untuk memupuk diri insan supaya cenderung ke arah perkara-perkara yang secara hakikinya bermanfaat dan memalingkan diri daripada perkara-perkara yang secara hakikinya merugikan. Kecenderungan mahupun pemalingan ini masing-masing bergantung kepada sejauhmana seseorang itu dididik dengan ilmu yang benar dan sahih, dan sejauhmana pula pendidikan itu menyuburkan dirinya bagi menjadikannya akrab dengan Tuhan. Apabila seseorang semakin akrab dengan Tuhannya, dirinya akan dikukuhkan (*ta'yid*) oleh Tuhan supaya menetap dalam kecenderungannya ke arah memilih dan melakukan perkara-perkara yang baik dan bermanfaat. 'Aqalnya pula, yang dicipta oleh Tuhan sebagai tempat pengetahuan tertinggi, akan beroleh mencapai kesempurnaan dan tingkat kemampuan tertinggi dalam mendalami sesuatu hakikat dan kebenaran sehingga 'aql itu dapat menjadi ukuran yang benar apabila saling berhubung rapat dengan *Shara'*. Sehubungan dengan ini, Imam al-Ghazali pernah menyatakan bahawa 'aql adalah *shara'* dalam diri insan manakala *shara'* adalah 'aql di luar diri insan. Oleh sebab itu, *shara'* tanpa 'aql tidak ada gunanya dan 'aql tanpa *shara'* tidak akan sama sekali menemui kesempurnaannya. Perkara sebeginilah yang perlu difahami oleh seseorang apabila dia mengendalikan urusan pendidikan.

Pendidikan dan Faham Insan

Berdasarkan pendedahan ilmiah al-Attas berkaitan dengan *adab* sebagai teras bagi membentuk faham pendidikan, pendidikan mestilah bermula dengan kefahaman seseorang tentang hakikat dan sifat insan. Ini disebabkan kebaikan yang diharapkan melalui pendidikan mestilah lahir dari dalam diri individu itu sendiri. Pengertian yang mendalam tentang hakikat dan sifat insan amat penting untuk ditekankan dalam pendidikan kerana daripada pengertian inilah manusia akan sedar akan asal-usulnya; keterikatannya dengan janji *asali (mithaq)* yang dilaksanakan olehnya di hadapan Tuhan ketika di *'Alam Alastu*; amanah dan tanggungjawabnya di atas dunia; kedudukannya yang mulia berbanding dengan makhluk-makhluk lain; musuh-musuh utamanya; kelebihan dan kekurangannya; dan, kesudahan nasib hidupnya yang abadi di akhirat.

Secara ringkasnya, tabiat manusia terbentuk daripada kekuatan ruh, aqal, dan jasad. Pada manusia secara tabiinya terkandung sifat baik dan jahat. Ini menunjukkan bahawa manusia berada di antara dua kemungkinan. Kemungkinan pertama ialah dia memperoleh kesempurnaan sebagai seorang insan sehingga dia menjadi hampir kepada Tuhan sambil menduduki martabat yang lebih tinggi daripada malaikat. Kemungkinan yang kedua pula ialah dia akan menyamai haiwan kerana hanya mengetahui bagaimana untuk mengembangkan keinginan shahwatnya (*shawaniyyah*) dan daya marahnya (*ghadabiyah*) sahaja sehingga akhirnya dia jatuh pada kedudukan yang lebih rendah dan lebih sesat daripada binatang ternakan. Dengan kata lain, manusia mempunyai persediaan sama ada untuk menjadi insan yang baik ataupun jahat. Namun begitu, manusia lebih hampir kepada ciri-ciri baik yakni sentiasa ingin mengenali Tuhannya dan taat serta beribadah kepadaNya dilihat dari segi hakikat kejadiannya yang beraqal. Ini menunjukkan bahawa keupayaan manusia untuk mencapai akhlaq yang mulia bergantung kepada asuhan jiwa dan aqalnya sehingga sampai ke peringkat yang sesempurna mungkin (*al-kamal al-mumkin*).

Kesempurnaan insan dikaitkan dengan berfungsinya daya-daya dalaman diri insan sesuai dengan tuntutan *fitrah*nya kerana inilah yang menjadi punca kepada terbitnya budi pekerti utama atau ibu bagi segala budi pekerti (*ummahat al-fadhail*) dalam diri insan. Jika daya-daya dalaman ini tidak berfungsi sesuai dengan tuntutan *fitrah*, maka akan lahirlah sifat-sifat keburukan yang merendahkan kemuliaan insan (*al-radhail*). Oleh sebab itu, pendidikan yang berakarumbikan adab akan memberi perhatian utama dan berterusan bagi mempersiapkan dan melengkapkan seseorang individu dengan keadaan yang melayakkannya dianugerahkan oleh Allah akan ibu bagi segala budi pekerti ini, iaitu *al-hikmah* yang berkait dengan keutamaan 'aqal; *al-shaja'ah* yang berkait dengan keutamaan fakulti *al-ghadabiyah*; *al-*

‘iffat yang berkait dengan keutamaan fakulti *al-shahwaniyyah*; dan *al-‘adl* yang merujuk kepada natijah daripada tercapainya ketiga-tiga keutamaan sebelumnya.

Apabila manusia terdorong untuk melakukan sesuatu perkara, maka dorongannya itu akan dipacu oleh fakulti *al-shahwaniyyah* dan fakulti *al-ghadabiyyah*. Walau bagaimanapun, kecenderungan asal bagi kedua-dua fakulti ini adalah berkisar pada perkara-perkara yang terkeji (*mazmumah*) seperti merendahkan wibawa akal budi dan melampaui batasan kebenaran yang merujuk kepada fakulti *al-shahwaniyyah*, dan bacul dan melakukan sesuatu tindakan secara membuta-tuli bagi fakulti *al-ghadabiyyah*. Kedua-duanya ibarat air yang mencurah dari gunung, merempuh apa saja yang dilaluinya bagi membebaskan dirinya. Oleh sebab itu, kedua-duanya perlu dikawal dan diawasi oleh fakulti yang lebih tinggi daripadanya, yakni yang merujuk kepada fakulti yang terkandung dalam diri *‘aqali*. Melalui kawalan dan pengawasan ini maka lahirlah salah satu budi pekerti utama yang disebut sebagai *shaja’ah* (keberanian/courage), yakni kekuatan akal budi yang berakarumbikan keyakinan tanpa *syak*, *zan* dan *waham* yang digerakkan dengan *istiqamah* untuk menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan; manakala, kawalan dan pengawasan pada fakulti *al-shahwaniyyah* pula akan melahirkan salah satu budi pekerti utama yang disebut *‘iffah*. *‘iffah* bermaksud keadaan diri seseorang yang berdaya kuasa mengenakan batasan kebenaran (*the limit of truth*) terhadap segala kemahuan nafsunya supaya kemahuan tersebut tidak sampai ke peringkat yang melampaui batas agama, contohnya, tidak tamak dalam mencari kekayaan, dan tidak merampas hak orang lain dalam mengejar keuntungan.

Oleh sebab itu, pendidikan mestilah tertumpu kepada usaha untuk menyempurnakan satu fakulti penting dan utama yang terkandung dalam diri *‘aqali* yakni *quwwah ‘alimah* (*theoretical reason*). Fakulti ini merupakan tempat dilimpahkan oleh Allah akan satu bentuk hikmah yang dinamakan sebagai *al-hikmat al-‘ilmiyyat al-nazhariyyah* yang meliputi ilmu-ilmu yang bersifat *‘alami*, diyakini, dan tetap misalnya tentang *al-Tawhid*, hakikat kerasulan, dan hakikat alam *arwah* dan akhirat. Hikmah ini akan diperolehi setelah fakulti ini mencapai peringkat *pena’qulan* (*intellection*) dan *ijrad* (*abstraction*) yang sesempurna mungkin lalu dapat menanggapi dan memahami intipati-intipati ilmu yang menjadi prasyarat kepada tercapainya hikmah ini yang dikategorikan sebagai ‘ilmu *fardhu ‘ayn* iaitu tafsir dan ta’wil al-Qur’an, al-Sunnah, al-Shari’ah, iman, Islam, dan ihsan, sifat, nama, dan perbuatan Tuhan, metafisik Islam yakni *al-tasawwuf* yang meliputi psikologi, kosmologi, dan ontologi, juga perkara-perkara yang sah dalam filsafat Islam, dan Bahasa Arab serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya.

Setelah mencapai tingkat kesempurnaannya, fakulti ini akan memberi kesan kepada fakulti kedua yang tertinggi dalam diri insan, iaitu *quwwah 'amilah* sehingga terzahirnya di sini suatu hikmah yang disebut sebagai *al-hikmat al-khuluqiyyah* yang berupaya mengendali dan mengawasi kecenderungan *al-shahwaniyyah* dan *al-ghadabiyyah* supaya sesuai dengan tuntutan *fitrah* insan. *Al-hikmat al-khuluqiyyah* ini berfungsi mengatur segala daya atau fakulti bawahnya agar sesuai dengan tuntutan *Shara'*. Pada *al-hikmat al-khuluqiyyah* inilah segala ilmu yang penting akan diarahkan kepada pembentukan tingkah laku yang berhikmah yang menunjukkan bahawa tingkah laku itu berada di titik tengah di antara dua tingkah laku yang melampau, satunya melampau dari sudut berlebih-lebihan (*ifrah*), dan satu lagi melampau dari sudut kekurangan (*tafrih*).

Apabila pendidikan memberi tumpuan kepada usaha untuk menzahirkan potensi yang terdapat pada diri *'aqali* hingga memungkinkan seseorang insan mencapai kemuncak segala budi pekerti yakni *hikmah, shaja'ah, 'iffah, dan 'adl*, maka orang itu dikatakan telah memiliki akhlaq yang terpuji. Hal ini kelak akan membawa kepada zahirnya keadilan dalam *siyasah* dan kehidupan bermasyarakat Contohnya, dalam *siyasah*, seseorang itu akan sentiasa sedar akan amanah yang dipegangnya lalu berbuat sesuatu yang sesuai dengan amanah itu, manakala dalam kehidupan bermasyarakat pula, seseorang itu tidak akan mengambil sesuatu yang bukan haqnya.

Walau bagaimanapun, pendidikan tidak sekadar tertumpu kepada keutamaan diri sebagaimana yang dijelaskan di atas. Pendidikan juga perlu mengambil kira dua keutamaan lain iaitu keutamaan tubuh badan (*badaniyyah*) seperti kesihatan tubuh badan dan keselamatan; dan, keutamaan yang diluar diri dan tubuh badan (*kharijiyyah*) seperti kekayaan dan selainnya yang menggalakkan kesejahteraan diri, badan, dan perkara-perkara yang berkait dengannya. Meskipun kedua-dua keutamaan ini mempunyai nilai instrumental namun keutamaan ini menjadi keharusan bagi keutamaan jiwa, malah hubungannya dengan keutamaan diri adalah suatu yang bersifat kemestiaan (*hajat dharuriyyah*).

Kedua-dua keutamaan ini juga bersifat pragmatik yakni mempermudah jalan bagi tercapainya tujuan adan matlamat sebenar insan. Malah usaha bagi mencapai keutamaan ini merupakan satu bahagian daripada usaha penyempurnaan diri, dan setiap perkara yang menjurus kepada kesempurnaan insan adalah suatu kebaikan. Usaha penyempurnaan diri adalah suatu usaha yang selaras dengan *fitrah*. *Fitrah* merujuk kepada qadar dan ukuran yang dikenakan oleh Allah S.W.T. dalam mencipta sesuatu yang menyebabkan sesuatu itu berbeza dengan sesuatu yang lain. Kedudukan setiap sesuatu dalam aturan dan tertib kejadian adalah

bergantung kepada ukuran itu masing-masing. Inilah yang menyangkan undang-undang Tuhan dan kelazimanNya (*SunnatuLLah*) dalam mencipta sesuatu. Oleh sebab itu, jika kita melakukan sesuatu berdasarkan kesedaran tentang *fitrah* ini, maka akan berlanjutanlah keadaan tertib dan harmoni dalam perjalanan alam ini dan inilah yang dinamakan sebagai *'adl*.

Pendidikan dalam Rangka Memahami Sejarah Tamaddun

Perlu difahami bahawa sejarah harus mengandungi penelitian dan usaha mencari kebenaran, menjelaskan secara tuntas dan mendalam sebab dan asal-usul sesuatu perkara, menampilkan penjelasan yang bersifat *substantial* dan *essential* tentang suatu peristiwa, sambil pada masa yang sama, menghuraikan kenapa terjadinya peristiwa itu. Sejarah tidak boleh sama sekali dipolitikkan dengan menokok-tambah perkara-perkara yang tidak benar atau yang direka-reka. Sejarah tentang bangun dan jatuhnya sesuatu bangsa tidak boleh disajikan seadanya sahaja tanpa mengenegahkan suatu yang betul-betul bermakna.

Berpandukan sejarah, kita boleh memahami hal-ehwal sesuatu bangsa melalui perilaku mereka, dan menzahirkan hikmah-hikmah yang terselindung di sebaliknya. Melalui sejarah juga kita dapat menteladani watak peradaban yang unggul dan menuruti nilai-nilai luhur yang dibawa olehnya. Dalam rencana dasar pendidikan di rantau Islam terutamanya Malaysia-Indonesia, al-Attas menegaskan bahawa pendidikan yang kita cuba ketengahkan tidak boleh sama sekali mengabaikan perkara lampau yang berfungsi membentuk struktur asas tamadun bagi sesuatu bangsa yang agung. Pendidikan juga tidak boleh mengabaikan manfaat daripada inti-pati pemikiran-pemikiran ulung yang terkandung dalam khazanah keilmuan di Kepulauan Melayu-Indonesia. Menurut beliau, perbendaharaan ilmu yang terdapat di di Kepulauan Melayu-Indonesia ini telah menggambarkan pencapaian nilai-nilai yang luhur dalam sejarah pemikiran. Sepatutnya, perkara ini sudah cukup untuk menjadi pendorong yang sah bagi kita untuk mendalami dan menghayati persejarah Islam di Kepulauan Melayu-Indonesia.

Daripada sini nanti generasi kita akan dapat mengiktiraf dan memperakui peranan Islam dalam merubah bukan sahaja struktur zahir masyarakat ketika itu tetapi turut merubah diri dan 'aql mereka. Nilai-nilai bawaan sejarah Islam inilah yang perlu dikemukakan semula dengan jelas dalam pendidikan pada masa sekarang khususnya bagi tujuan membangkitkan perasaan penyatuan di antara sesama Muslim. Jika diperhatikan secara 'aqliah dan pertimbangan ilmiah yang jujur-ikhlas, penegasan tentang Islam sebagai asas kebudayaan itulah yang hanya berupaya memperkukuhkan tadbir urus negara, dan inilah yang perlu diberi

perhatian dalam rencana-dasar pendidikan. Malangnya, kita terlalu leka kerana dilamun oleh jampi serapah faham kemajuan moden lalu menganggap bahawa apa-apa yang lepas tidak membawa sebarang kepentingan kepada kita, sedangkan yang ironinya, sejarah lampau itulah yang telah terbukti menyumbang kepada peradaban yang cukup cemerlang yang menampilkan kehalusan dan keunggulan dari segi sosial, budaya, dan peri laku. Tepatlah kata-kata yang terkandung dalam satu rangkap syair Arab yang bermaksud,

Hati yang tiada mengandungi sejarah bangsa,
Tiadanya dapat tahu menilai hidup yang mulia;
Penyimpan khabar zaman yang lalu menambah lagi
Pada umurnya umur berulang berkali-ganda.

Penekanan Kepada Bahasa Melayu Sebagai Wadah Menyampaikan Ilmu

Bahasa Melayu yang merupakan bahasa saintifik, mempunyai keupayaan yang ampuh untuk membentuk dan mempengaruhi 'aql seseorang. Sayangnya, ada sebahagian kelompok kaum Muslimin yang menolak bahasa Melayu sebagai wadah menyampaikan ilmu malah ramai juga yang hilang keyakinan terhadap perkara ini. Ini diakibatkan oleh kegagalan kita sendiri dalam meningkatkan keupayaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Kita perlu yakin bahawa bahasa Melayu akan terus mampu mengekalkan budi pekerti utama dan pandangan hidup sejagat kerana sekurang-kurangnya pada abad ke-13, bahasa Melayu telah menjadi wadah untuk perbincangan dan perbicaraan tentang akal-budi, perihal hakikat diri insan, perihal sifat alam dan tingkatannya dan mampu membicarakan persoalan-persoalan yang *mujarrad (abstract)* sifatnya dan berupaya melahirkan perdebatan dan perbahasan berkaitan dengan ilmu yang besar sepertimana yang pernah berlaku satu ketika dahulu di kalangan ilmuwan-ilmuwan agung di Alam Melayu, contohnya di antara Hamzah Fansuri dengan Shekh Nuruddin al-Raniri yang mana *maudhu'* perdebatan mereka adalah tentang *wahdat al-wujud*.

Sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa keilmuan serantau yang sudah sampai ke kemuncaknya kerana keupayaannya memupuk daya fikir yang tinggi dalam peranannya membicarakan persoalan *mantiq*, metafizik, dan falsafah. Hakikat ini perlu diambil kira tatkala kita sekarang sering mempersoalkan kedudukan dan kemantapan bahasa Melayu. Oleh sebab itu, dalam kehairahan kita memperkembangkan dan merubah bahasa Melayu supaya sejajar dengan perkembangan masa kini, kita tidak boleh sampai ke peringkat yang menghilangkan makna asal mahupun merubah medan semantik bagi sesuatu istilah

Melayu, contohnya istilah ilmu yang telah dimansuhkan makna aslinya lalu difahami ketika ini sebagai sains. Pada masa yang sama, kita juga tidak boleh melenyapkan istilah-istilah yang telah kental fahamnya lalu digantikan dengan istilah-istilah yang bersifat hampa-makna (*artificial*) yang menuruti perubahan pemikiran masyarakat semasa, contohnya istilah ‘aql telah digantikan dengan minda, atau alam tabi’i yang digantikan dengan alam semulajadi.

Kita perlu sedar bahawa tujuan asal bahasa Melayu adalah memperhalusi ‘aql-budi dan menyuburkan satu pandangan hidup yang murni kerana ia dilahirkan dalam rencana dasar pengislaman Alam Melayu. Malangnya, sifat pembawaan bahasa Melayu yang asli ini, yang memartabatkan dirinya sebagai bahasa agama dan bahasa ilmu telah dirosakkan sedikit demi sedikit oleh aliran pemikiran moden yang lebih memuja keduniaan dan kebendaan lalu mengubah, secara keseluruhannya, pandangan hidup masyarakat, yang kelihatannya tidak serasi dan secocok dengan fahaman masyarakat yang beragama. Contohnya, satu ketika dahulu, apabila masyarakat kita menggunakan perkataan akhlaq, mereka faham bahawa istilah itu menayangkan satu hubungan yang akrab antara makhluk dengan Pencipta, yang dalam bahasa Arabnya disebut *Khaliq*. Ini mewajibkan seseorang yang memahaminya sebegitu supaya melakukan perbuatan dan membawa tingkah laku yang hanya direstui oleh Tuhan yang menciptanya. Namun, apabila kita menggunakan istilah etika atau moral pada ketika ini, kewujudan Tuhan Yang Maha Mencipta itu tidak sama sekali dicakupi atau dirangkumi dalam konsep istilah tersebut.

Dalam hal ini, memanglah patut daripada sekarang supaya rencana dasar pendidikan kita menonjolkan dengan penuh nyata peranan bahasa Melayu yang saintifik dan rasional sifatnya dalam menghuraikan atau membicarakan persoalan-persoalan besar dan rumit yang berkaitan dengan agama, falsafah, dan sejarah. Ini bermaksud, kita tidak boleh membataskan ruang lingkup bahasa Melayu hanya pada aspek antropologi dan linguistik yang sempit, atau menyempitkan perannya dalam konteks penghasilan pelbagai bentuk kesusasteraan yang penuh dengan unsur-unsur metos, dongeng, khayalan, dan nilai-nilai yang berlawanan dengan prinsip aql.

***Ta’dib* Sebagai Asas Melestarikan Penyatupaduan**

Antara elemen yang dapat melestarikan keharmonian dan kesejahteraan bagi masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama dalam sesebuah negara adalah lahirnya ramai ahli masyarakat yang mempunyai integriti ilmu yang tinggi yakni seorang yang sentiasa berpegang teguh dan mengamalkan sesuatu berdasarkan ilmu yang sahih; sentiasa memperkukuhkan

dirinya dengan budi pekerti utama (*cardinal virtues*); dan berani menolak segala unsur kepalsuan yang menyamar sebagai ilmu dan kebenaran. Imam al-Ghazali merumuskan bahawa perkara yang paling asas yang perlu ada bagi seseorang adalah mengetahui kenapa dia dilahirkan di atas muka bumi ini, dan sentiasa mengingati tempat tujuhnya yang abadi. Inilah satu perkara yang akan diketengahkan dalam *ta'dib*, iaitu dengan mendidik seseorang agar melazimkan diri dengan tindak-tanduk yang berlandaskan prinsip tertinggi yang terbit dari agama. Jika seseorang tidak dididik dengan perkara ini, dia tidak mungkin melaksanakan keadilan kepada semua ahli masyarakat, malah dia akan mempunyai kecenderungan yang bersifat memusnahkan (*destructive*) yang kelak akan memecah-belahkan masyarakat. Kecenderungan yang bersifat memusnahkan ini berlaku diakibatkan oleh kegagalan *diri hayawani* dalam mengawal dan mentadbir *diri 'aqali* sehingga ke peringkat melenyapkan keyakinan dan kebenaran dan mengacau-bilau kerangka dasar epistemologi yang sah. Keadaan ini kelak akan mengakibatkan kegagalan kita memahami hakikat sesuatu dalam satu keseluruhan yang menampakkan hubung kait yang akrab antara ruang lingkup fizik dan metafizik, dan ontologi dan teologi.

Dalam hal ini, *ta'dib* sebagai rencana dasar pendidikan akan menghidupkan semula tradisi keilmuan yang bersumberkan khazanah ilmu kita sendiri kerana inilah yang berupaya melahirkan keperibadian sejati, dan menyuburkan makna diri. Sumber ini saja yang mampu menzahirkan faham yang jelas terhadap semua perkara yang mustahak seperti ilmu, agama, akhlaq, *adab*, pendidikan, kebebasan, dan kebahagiaan. Hanya faham yang jelas dan diyakini saja yang dapat dijadikan teras dalam apa jua bentuk amalan yang terlibat dalam konteks tadbir-urus negara dan masyarakat tanpa perlu lagi meniru dan memakai idea-idea luar secara mentah-mentah.

Kaedah Mengukur Pencapaian Pelajar

Pendidikan yang berakarumbikan faham *adab* bolehlah dirumuskan sebagai satu usaha yang berterusan untuk mengembangkan potensi individu yang seimbang dan harmonis dari segi 'aqli, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan Yang Maha Esa. Usaha sedemikian bertujuan melahirkan individu yang berbudaya ilmu, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri (*maslahat khassah*) bagi membolehkannya menyumbang kepada keharmonian dan kemakmuran pada masyarakat dan negara (*maslahah 'ammah*).

Semua sistem pendidikan dalam sejarah manusia mempunyai kaedah untuk menilai pencapaian dan kebolehan para pelajarnya. Para guru perlu mempunyai pengetahuan tentang faham sebenar kecemerlangan, tentang cara mencungkil, menilai kebolehan sebenar dan mengagak potensi pelajarnya. Mereka juga wajib memahami makna sebenar pendidikan, terutama sekali tujuannya yang sebenar berdasarkan agama, dan aspek budi pekerti yang perlu diberi penekanan. Apabila mereka dapat memahaminya dengan baik, mereka akan berupaya untuk membangunkan satu kaedah yang menyeluruh untuk mengukur pencapaian pelajar.

Perkara sebenar yang ditekankan dalam pendidikan adalah manusia seutuhnya sebagai hakikat ruhani, bukan sekadar makhluk yang dinilai sebagai benda jasad yang hanya diukur secara pragmatik dan utilitarian mengikut kebergunaannya kepada negara. Pemikiran moral berdasarkan utilitarianisme telah diketengahkan oleh seorang ahli falsafah Barat, David Hume dan kemudian disempurnakan pula oleh Jeremy Bentham. Pemikiran ini mengajar bahawa kesemua nilai moral mestilah bersumberkan kepada nilai kepenggunaan yang berupaya melayan kemahuan diri *hayawani* dan hawa nafsu.

Oleh sebab itu, penekanan terhadap pembinaan diri insan yang sebenar bukan sahaja penting dari segi prinsip, malah penting dari segi strategi, terutama pada zaman kini. Membina diri insan seutuhnya mensyaratkan pemilikan ilmu pengetahuan tentang diri '*aqali*, akhlak, serta tujuan dan matlamat akhir kehidupan insan. Hal ini sedemikian kerana '*aqal*, roh, dan akhlak adalah unsur-unsur utama yang dimiliki oleh individu. Seseorang insan yang dirinya dibina seutuhnya melalui satu kerangka pendidikan yang sebenar akan akhirnya sedar insaf akan penyaksian yang dilakukannya hadapan Tuhan (*mithaq*) lalu berusaha semampu mungkin memperbaiki setiap aspek dirinya, '*aqal* fikirannya, kecenderungannya dirinya, dan perbuatan dan tingkah lakunya supaya beransur-ansur menuruti dan mematuhi syarat atau apa yang menjadi intipati *mithaq* tersebut.

Setiap amalan pendidikan mestilah menjadi penyuluh dan memberi pedoman kepada diri individu, keluarga, dan masyarakat yang mendiami sesebuah negara. Jika kita berazam supaya pendidikan itu benar-benar memberi manfaat kepada individu yang dididik dan seterusnya kepada masyarakat yang dianggotai oleh individu tersebut, maka pendidikan itu mestilah memusatkan perhatiannya kepada aspek terpenting seseorang itu iaitu '*aqal* dan rohnya. Ini disebabkan '*aqal* dan roh itu adalah dua aspek daripada satu hakikat yang sebenarnya mentakrifkan seseorang individu. Sehubungan itu, ilmu pengetahuan yang diajar di sekolah dan institusi pendidikan tinggi tidaklah boleh dianggap sekadar komoditi sosio-

ekonomi semata-mata tetapi yang lebih utama lagi ialah kepentingannya bagi memenuhi tuntutan akli dan ruhani.

Justeru itu, apabila kita bercakap tentang kecemerlangan seseorang pelajar, hal ini hendaklah merujuk kepada kecemerlangan ‘aql dan ruh, yang sebenarnya tidak boleh diukur melalui sistem peperiksaan. Oleh sebab itu, sesuatu sistem yang digunakan untuk mengukur pencapaian seseorang itu dalam proses pendidikan mestilah bernisbah kepada hakikat keinsanan itu dan sistem itu mestilah bersifat bersepadu. Ia mestilah merupakan satu sistem yang lebih anjal yang dapat mengukur pencapaian pelajar dari segi ilmu pengetahuan dan peribadi. Susulan daripada ini, para guru mestilah diberi pengetahuan dan latihan untuk mengenal pasti ciri-ciri pelajar yang cemerlang dari ruh, ‘aql, dan jasad. Dalam melaksanakan pengukuran yang sebegini, sikap terbuka dan kesediaan untuk berubah, sama ada di kalangan pelajar mahupun guru, amat penting sekali.

Selain daripada itu, pendekatan yang ingin diperkenalkan bagi mengukur kemajuan pelajar mestilah mampu membuka ruang kepada pelajar untuk mengamalkan prinsip teras yang terkandung dalam kerangka pandangan alam Islam. Sistem itu juga perlu didirikan atas asas yang selamat bagi mengawal ciri-ciri penyuburan ‘aql pelajar, dan dari satu segi, ia hendaklah sejajar dengan matlamat untuk membentuk budaya ilmu di kalangan pelajar.

Secara keseluruhannya, sistem pengukuran itu mestilah berkait rapat dengan tanggungjawab sebenar pendidikan yang digariskan seperti di bawah:

i. Tanggungjawab pada agama

Ini adalah tanggungjawab terpenting dalam ruang lingkup pendidikan agar para pelajar dapat melazimkan diri mereka dengan peri laku dan tabiat yang baik serta berupaya membuang segala sikap dan perangai yang buruk.

ii. Tanggungjawab membangunkan ‘qal dan pemikiran

Tanggungjawab ini akan memungkinkan seseorang pelajar berfikir secara sah dan selamat agar dapat bertindak secara positif dan bijak dalam pelbagai bidang kehidupan. Pemikirannya yang subur akan dapat membantunya untuk menyelesaikan segala masalah kehidupan yang ditempuhinya pada masa hadapan.

iii. Tanggungjawab pada masyarakat dan pekerjaan

Tanggungjawab ini akan membolehkan para pelajar menyesuaikan diri dengan masyarakat, mampu bermuafakat serta tolong-menolong, dan berupaya melaksanakan apa-apa tuntutan yang wajar daripada masyarakat. Pelaksanaan tanggungjawab ini akan membekalkan para pelajar dengan kemahiran tertentu yang kemudian hari dapat membantu mereka untuk memperkembangkan ekonomi masyarakatnya.

Salah satu aspek penting untuk menilai seseorang pelajar adalah dari segi kefahaman dan daya fikirinya kerana proses mengingati dan kemudiannya memahami apa yang dipelajari merupakan dua proses yang saling lengkap-melengkapi. Dalam hal ini, Kung Fu-Tze pernah memberi amaran bahawa, “Anda akan tersesat jika belajar tanpa berfikir”. Kita bukan saja mahu melihat sesuatu ilmu pengetahuan yang diajar itu diingati oleh pelajar secara bersungguh-sungguh tetapi kita juga mengharapkan agar mereka memahami, menghayati, dan menjelmakan ilmu tersebut dalam kehidupan dengan sewajarnya. Dalam hal ini juga, kita boleh bersetuju dengan apa yang telah dikatakan oleh Alfred North Whitehead, seorang ahli matematik dan falsafah Inggeris yang terkenal, iaitu butir maklumat tidak ada kena-mena dengan pendidikan atau keilmuan sebenar.

Dalam melaksanakan proses berfikir secara sempurna, seseorang perlu mempunyai maklumat-maklumat penting dan asasi yang patut direkodkan dalam ‘aql. Oleh sebab itu, salah satu langkah untuk mengukur pencapaian pelajar adalah dengan memastikan dia mengingati beberapa maklumat asasi dan penting yang terkandung dalam sesuatu ilmu pengetahuan dan mencungkil makna daripada apa yang dipelajari. Dalam aspek inilah pendekatan pengukuran pelajar melalui peperiksaan itu penting kerana ia seolah-olah dapat menggesa seseorang pelajar untuk menghafal dan mengingati maklumat-maklumat asasi dan butiran-butiran yang mustahak bagi satu-satu mata pelajaran. Segala maklumat dan butiran yang diingatinya itu akan dapat membantunya kelak dalam proses berfikir. Pendekatan peperiksaan juga penting kerana ia sekurang-kurangnya dapat menggambarkan kepada kita tentang sejauh mana tahap kecerdasan dan kepintaran seseorang pelajar itu. Ini disebabkan lahirnya hubungan yang rapat antara kecerdasan dan kepintaran seseorang insan dengan pembangunan akal dan ruhnya.

Sememangnya, hafalan merupakan salah satu aspek penting dalam sistem pendidikan semenjak zaman dahulu kerana ia dapat melatih kekuatan seseorang dari segi daya ingatan. Tidak ada seorang pun tokoh atau sarjana besar dunia dalam apa jua bidang sekalipun yang

tidak mempunyai daya ingatan yang kuat dengan menghafal butiran yang penting bagi sesuatu subjek ilmu pengetahuan. Pada dasarnya, semua mata pelajaran memerlukan hafalan, lebih-lebih lagi mata pelajaran bahasa terutama dari segi nahu dan tatabahasa; matematik dari segi formulanya; sains tabi'i dari segi teori dan praandaiannya; dan sejarah dari segi nama tokoh dan peristiwa-peristiwa tertentu. Di samping itu, ada bidang-bidang kerjaya tertentu yang tidak boleh tidak mementingkan aspek hafalan seperti perguruan, perundangan, dan perubatan.

Walau bagaimanapun, ilmu bukan hanya sekadar untuk diingati tetapi juga perlu dihayati. Apabila seseorang pelajar mencapai markah yang tinggi dalam peperiksaan, ini tidak menandakan bahawa dia menghayati ilmu yang dipelajarinya itu. Contohnya, ada pelajar bukan Muslim yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran agama Islam padahal dia tidak menghayatinya dalam kehidupan sehariannya. Kadang-kadang hafalan menjadi halangan kepada kefahaman dan budaya ilmu apabila dijadikan alat terpenting dalam pendidikan. Oleh sebab itu, hafalan yang membina hanya boleh dilaksanakan dengan bersahaja oleh individu yang dipupuk dengan budaya ilmu. Dia akan membaca sesuatu itu beberapa kali untuk memahaminya lalu membina makna dengan kefahamannya itu.

Selain itu, pengukuran terhadap pencapaian pelajar boleh dibuat secara berterusan melalui beberapa aktiviti yang melibatkan daya fikir dan daya analisis yang wajar mengikut tingkat pendidikan masing-masing. Sebelum pengukuran dibuat, para pelajar perlulah melalui beberapa sesi perbincangan yang membolehkan mereka dibimbing (*couch*) untuk berfikir secara analitikal dan logik. Sesi ini akan dijalankan setiap dua minggu sekali manakala pengukuran terhadap perkembangan pelajar pula akan dibuat pada pertengahan tahun dan pada bulan terakhir sesi persekolahan. Dalam sesi sebgini, para pelajar akan diberi topik dan tema penting yang berkaitan dengan satu-satu mata pelajaran untuk dibincangkan. Melalui sesi ini, para pelajar akan dibimbing dan diasuh untuk mendengar dengan berkesan, bertutur dengan fasih, membuat pertimbangan secara logik, dan memberi penyelesaian yang berkesan terhadap sesuatu masalah yang diketengahkan. Dalam sesi ini juga, suasana keiltizaman pelajar hendaklah dihidupkan dengan cara yang sihat tanpa timbulnya rasa terhina atau rasa megah di kalangan mereka. Pengukuran terhadap pencapaian pelajar nanti akan berkisar kepada empat aspek kemahiran yang dinyatakan sebelum ini yakni kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran berfikir, dan kemahiran membuat keputusan. Pengukuran tersebut perlulah dilakukan dalam bentuk yang meyakinkan misalnya melalui perbahasan, kajian lapangan, projek kumpulan, penulisan dan latihan berfikir.

Pengukuran ini bukan sahaja dapat membantu kita melihat perkembangan pelajar tetapi ia dapat menjadi satu wadah yang berkesan dalam memperkukuhkan maklumat-maklumat serta *malakah* yakni penyeliputan dan penyebatian diri pelajar dengan maklumat-maklumat tersebut. Melalui kaedah pengukuran ini, pelajar dapat bertindak balas dengan guru secara positif lantaran kecerdasan ‘aqlnya bertambah kerana pelajar itu dapat merasai keupayaan *‘ilmi* dirinya serta mengenali pendiriannya. Ia akan menyebabkan pelajar merasai kepuasan apabila dapat melakukan sesuatu dengan baik dalam majlis yang melibatkan wacana dalam soal ilmu ini. Kaedah pengukuran ini juga, pada masa yang sama, dapat berfungsi sebagai pendekatan termudah bagi membentuk kemampuan *‘ilmi* seseorang pelajar.

Bagi membolehkan kaedah pengukuran ini dilaksanakan dengan jayanya, para guru hendaklah ditanam dengan budaya membaca yang meluas di luar bidangnya seperti buku-buku pemikiran di samping membuat peninjauan ilmu secara kritis. Ini bagi membolehkan mereka berfungsi dengan sebaik-baiknya sebagai pengasuh ‘aql dan diri kepada para pelajarnya. Mereka juga mestilah berupaya menampilkan satu kaedah pengajaran yang menggabungkan kaedah empirik dan penghayatan ilmu wahyu di samping mengenengahkan olahan yang pelbagai dalam subjek yang dibincangkan.

Al-Attas menegaskan bahawa kaedah pengukuranyang paling mustahak adalah pemerhatian guru sepanjang masa terhadap tingkah laku pelajar. Ciri-ciri buruk dan keji iaitu berdusta, mengkhianati amanah, dan memungkir janji hendaklah dijadikan sebagai asas dalam mengukur dan menilai watak dan peri laku anggota masyarakat. Ini sebenarnya bertepatan dengan matlamat sebenar pendidikan yakni bagi melahirkan insan yang baik dan beradab sambil sekaligus dapat mewujudkan kekuatan pada aspek daya-kawal diri seseorang pelajar. Kaedah pengukuran ini akan memberi manfaat yang besar kerana ia akan menjadikan para pelajar menginsafi dan mengelak daripada menyanggahi prinsip-prinsip akhlak. Para guru hendaklah senantiasa mengawasi peri laku pelajar. Jika dia menyaksikan seseorang pelajar itu membawa perangai yang buruk, dia hendaklah mencegahnya, menjelaskan kesan-kesan buruknya, lalu memberi amaran supaya pelajar itu jangan mengulangnya.

Perkara yang paling utama untuk diberi perhatian ketika kita mencuba untuk mengenengahkan apa-apa jua kaedah pengukuran bagi menentukan pencapaian pelajar adalah, sejauh mana kaedah itu dapat membantu ke arah penyemaian dan penyuburan *adab* dan akhlak dalam diri seseorang pelajar. Oleh sebab itu, perlu ada kesejajaran antara sistem pengukuran yang hendak dipakai bagi mengukur perkembangan pelajar dengan pelbagai aspek yang perlu ditanam dalam diri seseorang pelajar itu sebagai seorang insan yang beradab.

Sebelum mana-mana kaedah diperkenalkan, setiap pengamal dan penggubal dasar pendidikan hendaklah memahami dengan betul dan tepat tentang makna dan faham pendidikan. Jika makna dan faham pendidikan ini tidak difahami dengan sebaik-sebaiknya, kecenderungan untuk menyempitkan ruang lingkup pendidikan akan berlaku. Keadaan ini kelak akan memberi kesan dari segi kaedah yang ingin digunakan dalam mengukur perkembangan pelajar dalam proses pendidikan. Akhirnya, kaedah yang diperkenalkan itu tidak berupaya untuk mengukur dan menilai seseorang pelajar itu secara menyeluruh. Tidak hairanlah nanti apabila kita melihat lahirnya pelajar yang mencapai keputusan yang teramat cemerlang dalam peperiksaan tetapi tidak berhikmah dalam hidupnya dengan melakukan perkara-perkara yang melanggar prinsip adab sopan agama dan masyarakat.

I'tibar dan Rumusan

Bagi meringkaskan perbincangan ini, pendidikan seharusnya memberi tumpuan bagi menerbitkan kekuatan dalam diri insan dan pada 'aqlnya agar individu yang dididik itu dapat membuat pilihan yang baik pada setiap masa, sentiasa berdiri teguh di jalan yang lurus, dan meningkatkan dirinya pada tahap yang baik dengan terus berazam agar budi pekerti utama tidak terpisah daripada tingkah laku dan perangainya. Di antara matlamat pendidikan adalah agar tabiat manusia dipupuk supaya menjadi baik. Dalam hal ini, agamalah yang menjadi faktor utama yang mempengaruhi pembentukan akhlaq manusia melalui perintah dan tegahannya. Pendidikan dalam konteks ini adalah bagi membiasakan seseorang dengan amalan berterusan dari segi melakukan sesuatu yang baik dan meninggalkan sesuatu yang buruk.

Contohnya, pada peringkat pendidikan menengah, seseorang individu perlu dididik dengan berkesan untuk membezakan perkara yang bermanfaat daripada perkara yang sia-sia, memperteguhkan dirinya supaya tidak melakukan penyelewengan terhadap agama, sentiasa mendorongnya untuk berperilaku mengikut apa yang semestinya diyakini dan mengikut contoh teladan yang baik. Kita harus sedar bahawa jiwa insan pula pada peringkat itu bersifat memberontak yang kadang-kadang mempengaruhi dan kadang-kadang dipengaruhi akibat daripada hubungan timbal-balik antara dirinya dengan persekitarannya.

Di samping itu, pendidikan seharusnya melengkapkan seseorang itu dengan keupayaan untuk mengenali dan memperakukan kedudukan sesuatu pada tempatnya, contohnya mengenali keutamaan diri '*aqali* berbanding dengan diri '*hayawani*'; dan membolehkan seseorang itu mencapai keupayaan yang tinggi untuk membuat rumusan-rumusan '*aqliyyah* yang benar berladaskan hujah-hujah yang juga benar dan sahih. Salah satu caranya adalah

dengan mengasuh seseorang individu untuk berfikir dengan betul dan benar lalu bertindak dengan bijaksana dalam pelbagai bidang kehidupan. 'Aqal fikiran yang disuburkan dengan baik akan membolehkan seseorang individu itu membuat rumusan-rumusan *'aqliyyah* yang betul dan benar bagi digunakan sebagai pedoman dalam menyelesaikan masalah-masalah utama dalam kehidupannya dan turut menjadi pedoman dalam mengawali perbuatannya supaya tidak melampaui had kebenaran. Jelas sekali di sini bahawa pendidikan yang diistilahkan sebagai *ta'dib* tidak sama sekali menafikan hak manusia untuk berfikir tetapi kebebasan berfikir ini dipupuk secara beradab supaya tidak melampaui batasan agama. Di sinilah letaknya kepentingan bagi menghidupkan semula tradisi pendidikan yang sebenar yang menekankan kesuburan pemikiran dan pengukuhan akhlaq melalui kaedah dan sistem pengajaran yang pelbagai dan tuntas. Pandangan alam Islam semestinya menjadi tonggak dalam melanjutkan satu-satu tahap pendidikan, malah pandangan alam Islam itu sendiri memberi kekuatan yang tersendiri di sepanjang proses membekalkan pendidikan. Para pelajar akan dibimbing agar hatinya tidak cenderung kepada tuntutan dunia dan tuntutan hawa nafsu yang palsu kerana inilah nanti yang menjadi punca perselisihan, permusuhan dan perbalahan di kalangan ahli masyarakat. Apa yang amat mustahak adalah mereka akan lahir sebagai Muslim yang mampu meneruskan usaha secara giat dan teratur-sempurna untuk menyemarakkan kebangkitan ilmu dan kebudayaan yang berteraskan pandangan alam Islam.

Secara rumusannya, pendidikan dalam konteks ini melibatkan usaha bagi melahirkan potensi dalaman diri insan ke tahap yang sesempurna mungkin bagi membolehkan tercapainya peradaban bermula dengan pendidikan yang berpedomankan keterangan *Shari'ah*. Pada masa yang sama juga, mereka harus dibekalkan dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan kelak untuk mendapat rezeki yang halal dan membantu melengkapkan keperluan masyarakat, sebagai contoh, mendedahkan mereka dengan pelbagai bentuk pendekatan saintifik dan juga pendidikan seni yang bertunjangkan faham keindahan dan kreativiti dalam Islam.

Diharapkan juga dengan adanya pendidikan yang berakarumbikan *adab*, kita dapat mengurangkan kebekuan dan kehampan dalam aspek pemikiran di kalangan masyarakat. Ini dapat dilihat secara jelas daripada sikap sebahagian besar daripada mereka yang secara beransur-ansur, tidak mengendahkan lagi tentang makna dan tujuan sebenar kehidupan. Mereka tidak lagi mahu berusaha keras untuk meningkatkan peradaban dan bebal dalam memahami unsur-unsur fundamental dalam pandangan alam Islam kerana keras hati dan lalai akibat kecenderungan untuk bermewah-mewah dan hanya memikirkan soal untuk mengisi

perut. Keadaan ini sudah tentu akan memberi kesan kepada intipati, hala tuju, tujuan dan matlamat sebenar pendidikan.